

Headline	RM233j terpendam tunggu tuntutan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Jan 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	12	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	Nor Asyikin Mat Hayin	AdValue	RM 12,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,764



RM233j terpendam tunggu tuntutan

■ AmanahRaya pegang wang tanpa tempoh sehingga waris tuntut

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin dan Fairul Asmaini Mohd Pilus
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Amanah Raya Berhad (AmanahRaya) menyimpan RM233 juta wang menunggu dituntut sejak penubuhannya pada tahun 1921 sehingga kini.

Wang menunggu dituntut merujuk kepada wang yang warisnya sudah ada tapi belum dan dalam proses membuat tuntutan.

Pengarah Urusan Kumpulannya Datuk Abd Rahman Md Khalid berkata, daripada jumlah itu RM187 juta atau 80 peratus membabitkan estet (tanah diam-bil kerajaan untuk pembangunan), manakala 20 pe-

ratus akaun amanah (Amanah Saham Bumiputera) ia-itu RM46 juta.

Menurutnya, wang berke-naan membabitkan nilai pampasan pengambilan tanah oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan.

"Jumlah wang ini meningkat setiap tahun kerana mengikut nilai pasaran semasa harta tanah, selain kerajaan tidak dapat mengesan waris kepada pemilik asal tanah yang diambil alih untuk penyelesaian.

"Apabila ini berlaku, kerajaan menyerahkan wang berkenaan kepada AmanahRaya sebagai pentadbir harta sehingga ada waris tampil membuat tuntutan," katanya ketika ditemui Harian Metro.

AmanahRaya antara

FAKTA
80 peratus babit estet manakala 20 peratus akaun amanah



ABD Rahman

agensi yang mencatatkan harta alih dan tak alih tidak dituntut waris kerana tidak mengetahui prosedur dan kewujudan harta berkenaan. Begitu juga Tabung Haji dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), masalah itu disebabkan pendeposit dan pencarum tidak membuat penamaan.

Muka depan Harian Metro 14 Januari lalu, melaporkan dianggarkan RM60 bilion harta tidak dituntut membabitkan agensi berkenaan dan pendedahan dibuat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Hamim Samuri.

Abd Rahman berkata, jumlah wang menunggu dituntut yang diselesaikan AmanahRaya tahun lalu meningkat 276 kes menjadi 2,841 kes membabitkan RM40.6 juta berbanding 2,565 kes dengan RM31.6 juta pada 2014.

Katanya, masyarakat atau waris tidak perlu gusar kerana wang menunggu dituntut atau harta tak alih kekal berada di AmanahRaya.

Menurutnya, waris boleh hadir ke mana-mana 19 ca-wangan AmanahRaya di se-leruh negara untuk membuat tuntutan.

Headline	RM233j terpendam tunggu tuntutan		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	21 Jan 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	12	ArticleSize	328 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 12,921
Journalist	Nor Asyikin Mat Hayin	PR Value	RM 38,764
Frequency	Daily		



Galak buat wasiat

Kuala Lumpur: Perancangan harta perlu dibuat dengan lebih awal bagi mengelakkan timbul kesulitan dalam membuat tuntutan di agensi berkaitan pada masa hadapan.

Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya Berhad (AmanahRaya) Datuk Abd Rahman Md Khalid berkata, langkah itu boleh dilakukan di agensi berkenaan kerana ia pusat se-

henti membuat perancangan harta dan penyelesaian harta tertunggak.

"Kami menyediakan kemudahan itu seperti wasiat, pembukaan akaun amanah dan amanah hibah."

"Kami galak rakyat membuat wasiat kerana ia langkah pertama bagi perancangan hartā," katanya ketika ditemui Harian Metro, semalam.